Thiruvannamali a/l Alagirisami Pillai lwn Diners Club (M) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S2–22–462 TAHUN 2004
WAN ADNAN MUHAMAD H
5 JANUARY 2006

Acara Sivil — Pembatalan — Pliding — Penyata tuntutan — Ganti rugi kerana mengalami kejutan, ketakutan serta penderitaan mental — Samada mendedahkan kausa tindakan yang munasabah — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(a)

Undang-Undang Tort — Kecuaian — Kejutan — Penerimaan secara tersilap surat takziah — Sama ada 'actionable tort' yang boleh dipampas dengan ganti rugi

Pada suatu hari dalam bulan November 2001 seorang suri rumah tangga menerima surat ketika berada di rumahnya. Apabila dibuka alangkah terkejutnya bila didapati surat bertarikh 16 November 2001 bukan surat biasa malahan ia adalah surat takziah atas kematian suami tersayangnya. Dengan serta merta beliau menelefon tempat kerja suaminya. Tidak dapat dibayangkan leganya perasaan beliau apabila suaminya menjawab telefon dan memberitahu beliau sihat dan masih hidup. Ekoran peristiwa ini timbullah suatu tindakan sivil oleh plaintif terhadap defendan. Plaintif ialah seorang doktor perubatan dan ahli kad kredit Diners Club. Defendan ialah syarikat yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Kakitangan defendan telah tersilap menukar status plaintif ke akaun ahli Diners Club yang meninggal dunia yang sepatutnya dibuat ke atas akaun yang satu lagi. Defendan hanya mendapat tahu kesilapan penghantaran surat takziah setelah plaintif memberitahu defendan melalui telefon pada 10 Disember 2001. Defendan telah memohon maaf atas kesilapan tersebut. Plaintif masih tidak berpuas hati dan memfailkan tindakan terhadap defendan untuk ganti rugi kerana mengalami kejutan (shock), ketakutan (fear) serta penderitaan mental (mental anguish) bagi dirinya dan bagi pihak isteri dan anak-anaknya. Selepas writ saman dan penyataan tuntutan diserahkan ke atas defendan, defendan telah memfailkan permohonan melalui suatu saman dalam kamar bagi membatalkan tindakan plaintif kerana tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah di bawah peruntukan A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Pembatalan dibenarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') dengan kos. Plaintif tidak berpuashati terhadap keputusan PKP tersebut justeru itu plaintif memfail suatu notis rayuan kepada hakim dalam kamar.

Diputuskan, rayuan plaintif ditolak:

(1) Dalam tindakan ini plaintif ada membuat dua tuntutan ganti rugi iaitu untuk

dirinya dan untuk isteri dan anak-anaknya. Plaintif tidak mempunyai locus untuk menuntut ganti rugi bagi pihak isteri dan anak-anaknya yang dikatakan mengalami *shock* dan *mental anguish*. Isteri dan anak-anaknya bukanlah pihak-pihak dalam tindakan ini (lihat perenggan 7).

(2) Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kesilapan berlaku dengan penghantaran surat takziah. Kesilapan ini telah diterangkan dalam pembelaan defendan. Defendan telah berkali-kali meminta kemaafan plaintif. Meminta maaf bukan suatu pengakuan liabiliti (lihat perenggan 8).

(3) Daripada pernyataan tuntutan jelas plaintif tidak mempunyai kausa tindakan yang munasabah kerana apa yang dikatanya mengalami kejutan, *shock*, *fear* dan *mental anguish*, ialah perasaan plaintif yang tidak senang hati atau marah dengan surat takziah tersebut kerana beliau masih hidup. Plaintif sebagai seorang doktor mempunyai pengalaman luas dalam menangani situasi yang lebih teruk dari apa yang dinyatakan dalam surat takziah tersebut. Mungkin timbul perasaan marah dan tidak puas hati dirasai oleh plaintif tetapi ia bukan *actionable tort* yang boleh dipampas dengan ganti rugi (lihat perenggan 10).

(4) Jelas mengikut prinsip undang-undang yang mantap tiada liabiliti atas perasaan marah, ketakutan, tekanan mental perasaan cemas dan sebagainya seperti dialami plaintif melainkan atas kecederaan fizikal (sila lihat kes *Yjen Nichollas v Rushton* seperti di laporan dalam akhbar the Times pada 19 Jun 1992) (lihat perenggan 12).

(5) Dalam pliding plaintif tidak dinyatakan beliau mengalami *nervous shock* yang menyebabkan *psychiatric illness*. Apa yang dinyatakan hanyalah beliau mengalami *shock* dan *mental anguish* oleh itu defendan tidak bertanggungan. Kesimpulannya jelas dari pernyataan tuntutan plaintif ia tidak mendedahkan langsung kausa tindakan. Perasaan terkejut, perasaan takut dan perasaan tertekan yang dialami plaintif jelas bukan suatu yang membawa kausa tindakan terhadap defendan (lihat perenggan 17).

[English summary

The plaintiff's wife received a letter while she was at her home and when she opened it, she was shocked that the letter, dated 16 November 2001 was not an ordinary letter but a condolence letter on the death of her beloved husband. She immediately called her husband at his work place. She was relieved that her husband answered the call and told her that he was well and alive. As a result from that, a civil action was filed by the plaintiff against the defendant. The plaintiff was a medical doctor and a member of the Diners Club credit club. The defendant was the company that issued the said credit card. The employees of the defendant mistakenly changed the status of the plaintiff to the account of Diners Club members who had passed away which was supposedly done on another account. the defendant only realized its mistake in sending the condolence letter after the plaintiff contacted the defendant by phone on 10 December 2001. The defendant apologised on the said mistake. The plaintiff

was not satisfied and filed an action against the defendant for damages as a result of shock, fear and mental anguish for himself and also his wife and children. After the writ and statement of claim was served on the defendant, the defendant filed a summons in chambers application to strike out the plaintiff's action on the ground that it disclosed no reasonable cause of action under O 18 r 19(1)(a) of the Rules of the High Court 1980 ('RHC'). The striking out was allowed by the senior assistant registrar ('SAR') with costs. Dissatisfied with the decision of the SAR, the plaintif filed a notice of appeal to a judge in chambers.

Held, dismissing the plaintiff's appeal:

(1) In this action, the plaintiff made two claims for damages which was for himself and for his wife and children. The plaintiff had no locus standi to claim damages on behalf of his wife and children whom he alleged as having suffered shock and mental anguish. The wife and children were not parties to this action (see para 7).

(2) It cannot be denied that there was a mistake in sending out the condolence letter. This mistake was explained by the defendant in their defence. The defendant apologises several times to the plaintiff. Apologies does not mean an admission to liability (see para 8).

(3) From the statement of claim, it was clear that the plaintiff did not have a reasonable cause of action as what he alleged to have suffered from shock, fear and mental anguish, were feelings of the plaintiff that he was uneasy or angry with the said condolence letter as he was still alive. The plaintiff as a doctor had wide experience in overcoming situations worse than what was stated in the letter of condolence. There may have been feeling of anger and dissatisfaction felt by the plaintiff but it was not an actionable tort that could be compensated by damages (see para 10).

(4) It is clear from well established principles of law that there is no liability on anger feeling, fear, mental stress, anxiety and others as experienced by the plaintiff unless it is a physical injury (see the case of *Yjen Nichollas v Rushton* as reported in *The Times* on 19 June 1992) (see para 12).

(5) In the plaintiff's pleading, it was not stated that he suffered *nervous shock* that resulted in *psychiatric illness*. What was said was only that he suffered *shock* and *mental anguish* hence the defendant was not liable. The conclusion was clear from the plaintiff's statement of claim that revealed no cause of action whatsoever. The shock, fear and mental anguish experienced by the plaintiff was clearly not a cause of action against the defendant (see para 17).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai membatalkan penyata tuntutan, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 1544–1578.

Untuk kes-kes mengenai kejutan, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 920–923.

Kes-kes yang dirujuk

Alcork & Ors v Chief Constable of South Yorkshire Police [1992] 1 AC 310 (dirujuk)
Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36 (dirujuk)
Hicks & Anor v Chief Constable of the South Yorkshire Polis [1992] 2 All ER 65 (dirujuk)
Jub'il bin Mohamed Taib Taral & Ors v Sunway Lagoon Sdn Bhd [2001] 6 MLJ 669 (dirujuk)
Leong Peng Kheng & Anor v Dawntree Properties Sdn Bhd [2002] 2 MLJ 186 (dirujuk)
Mc Loughlin v @ Brian & Ors [1983] AC 410 (dirujuk)
New Straits Times (M) Bhd v Kumpulan Kertas Niaga Sdn Bhd [1985] 1 MLJ 226 (dirujuk)
Page v Smith [1996] 1 AC 155 (dirujuk)
Sim Kie Chon v Suprintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 MLJ 385 (dirujuk)
Yjen Nichollas v Rushton The Times, 19 Jun 1992 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(a)

Joseph Iruthayam (Sharonjit Kaur bersama beliau) (Joseph Iruthayam & Co) bagi pihak plaintif.
Dhinesh Bhaskaran (Sheila Ramalingam bersama beliau) (Shearn Delamore & Co) bagi pihak defendan.

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Pada suatu hari dalam bulan November 2001, seorang suri rumah tangga menerima surat ketika berada di rumahnya. Apabila dibuka alangkah terkejutnya bila mendapati surat bertarikh 16 November 2001 bukan surat biasa malahan ia adalah surat takziah atas kematian suami tersayang. Surat takziah tersebut berbunyi (dalam bahasa Inggeris), '*we regret to note the demise of Thiruvannamali*'. Dengan serta merta, beliau menelefon tempat kerja suaminya. Tidak dapat dibayangkan leganya perasaan beliau apabila suaminya menjawab telefon dan memberitahu beliau sihat dan masih hidup. Ekoran peristiwa ini timbullah suatu tindakan sivil oleh plaintif terhadap defendan.

[2] Plaintif ialah seorang doktor perubatan dan ahli kad kredit Diners Club. Defendan ialah syarikat yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Pada suatu hari, kakitangan defendan menerima suatu faks daripada Syarikat APDR Consultant (M) Sdn Bhd memberitahu seorang ahli kad kredit Diners Club bernama Major (R) Sachithananthan telah meninggal dunia. Lantaran itu kakitangan defendan tersilap dengan menukar status plaintif ke akaun ahli Diners Club yang meninggal dunia yang sepatutnya dibuat ke atas akaun mendiang Major Sachithananthan. Defendan hanya mendapat tahu kesilapan penghantaran surat takziah setelah plaintif memberitahu defendan melalui telefon pada 10 Disember 2001. Defendan telah memohon maaf atas kesilapan tersebut. Plaintif masih tidak berpuashati dan

memfailkan tindakan terhadap defendan untuk ganti rugi kerana mengalami kejutan (shock), ketakutan (fear) serta penderitaan mental (mental anguish) bagi dirinya dan bagi pihak isteri dan anak-anaknya. A

[3] Selepas writ saman dan peryataan tuntutan diserah ke atas defendan, defendan telah memfailkan permohonan melalui suatu saman dalam kamar di lampiran 5 bagi membatalkan tindakan plaintif kerana tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah di bawah peruntukan A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Lampiran 5 tersebut dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar ('PKP') dengan kos. Plaintif tidak berpuashati terhadap keputusan PKP tersebut justeru itu plaintif memfail suatu notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 7). B C

[4] Pada 5 Januari 2006, saya telah menolak notis rayuan di lampiran 7 dengan kos. Pihak-pihak tidak memfailkan apa-apa affidavit oleh sebab ia dibuat di bawah A 18 k 19(1)(a) KMT (sila lihat kes *Leong Peng Kheng & Anor v Dawntree Properties Sdn Bhd* [2002] 2 MLJ 186). D

[5] Dalam tindakan ini plaintif ada membuat dua tuntutan ganti rugi iaitu untuk dirinya dan untuk isteri dan anak-anaknya.

[6] Berpandukan fakta kes yang jelas, saya berpendapat persoalannya ialah adakah defendan bertanggungan terhadap plaintif atau isteri dan anak-anaknya diatas kesilapan atau kecuaian dalam menghantar surat takziah tersebut. E

[7] Pada hemat saya plaintif tidak mempunyai locus untuk menuntut ganti rugi bagi pihak isteri dan anak-anaknya yang dikatakan mengalami *shock* dan *mental anguish*. Isteri dan anak-anaknya bukanlah pihak-pihak dalam tindakan ini. F

[8] Kini saya akan memperkatakan mengenai tuntutan ganti rugi plaintif atas kecederaan *shock*, *fear* dan *mental anguish* bagi dirinya. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kesilapan berlaku dengan penghantaran surat takziah. Kesilapan ini telah diterangkan dalam pembelaan defendan. Defendan telah berkali-kali meminta kemaafan plaintif. Mengikut hujah peguam plaintif, defendan telah membuat pengakuan dan apabila memohon maaf defendan bertanggungan atas kesilapan yang menyebabkan plaintif menderita ekoran kejutan dan tekanan mental. Saya bersetuju dengan saranan peguam defendan yang menyatakan dengan meminta maaf bukan suatu pengakuan liabiliti. G H

[9] Adalah prinsip undang-undang yang nyata (trite) bahawa bukan semua kesalahan sivil (civil wrongs) akan membawa kepada bertanggungan (liability). Berdasarkan pernyataan tuntutan plaintif yang mendakwa beliau mengalami *shock*, *fear* dan *mental anguish* apabila diberitahu oleh isterinya mengenai surat takziah tersebut, pada pertimbangan saya bukan tergolong dalam *actionable tort*. I

[10] Daripada pernyataan tuntutan, jelas plaintif tidak mempunyai kausa tindakan yang munasabah kerana apa yang dikatanya mengalami kejutan, *shock*, *fear* dan *mental anguish* pada hemat saya apa yang dirasai oleh plaintif ialah perasaan tidak senang hati atau marah dengan surat takziah tersebut kerana beliau masih hidup. Bagi saya plaintif sebagai seorang doktor mempunyai pengalaman luas dalam menangani situasi yang lebih teruk dari apa yang dinyatakan dalam surat takziah tersebut. Mungkin timbul perasaan marah dan tidak puashati dirasai oleh plaintif tetapi ia bukan *actionable tort* yang boleh dipampas dengan ganti rugi. Apa yang dikatakan oleh surat tersebut ialah suatu kesilapan yang tidak disengajakan. Ini telah dinyatakan dalam pembelaan defendan. Keadaan seperti yang dialami plaintif adalah apa yang dikatakan oleh mahkamah tertinggi Inggeris iaitu House of Lords dalam kes *Hicks and another v Chief Constable of the South Yorkshire Polis* [1992] 2 All ER 65 di halaman 69 yang berbunyi seperti berikut (dalam bahasa asal):

> It is perfectly clear the law that fear by itself, of whatever degree, is a normal humane motion for which no damages can be awarded. Those trapped in the crush at Hillsborough who were fortunate enough to escape without injury have not claim in respect of the distress they suffered in what must have been a truly terrifying experience. It follows that the fear of impending death felt by the victim of a fatal injury before that injury is inflicted cannot my itself give rise to a cause of action which survives for the benefit of the victim's estate.

[11] Manakala dalam kes yang lain iaitu *Page v Smith* [1996] 1 AC 155, House of Lords memutuskan seperti berikut (dalam bahasa asal) di halaman 167:

> it is necessary at the out set to particularize what is meant by 'nervous shock' such as may result in liability for damages. The decided cases indicate that it means a reaction to an immediate and horrifying impact, resulting in some recognizable psychiatric illness. There must be some serious mental disturbance outside the range of normal human experience, not merely the ordinary emotions of anxiety, grief or fear.

Seterusnya, Mahkamah Inggeris tersebut di halaman 197 berkata:

> A defendant who is under a duty of care to the plaintiff, whatever as primary or secondary victim, is not liable for damages for nervous shock unless the shock results in some recognized psychiatric illness.

[12] Oleh yang demikian jelas mengikut prinsip Undang-undang yang mantap tiada liability atas perasaan marah, ketakutan, tekanan mental perasaan cemas dan sebagainya seperti dialami plaintif melainkan atas kecederaan fizikal (sila lihat kes seperti di laporan dalam akhbar *Yjen Nichollas v Rushton* The Times, 19 Jun 1992).

[13] Dalam pliding plaintif tidak dinyatakan beliau mengalami *nervous shock* yang menyebabkan *psychiatric illness*. Apa yang dinyatakan hanyalah beliau mengalami *shock* dan *mental anguish* oleh itu defendan tidak bertanggungan (sila lihat kes *Mc Loughlin v @ Brian & Ors* [1983] AC 410 yang diikuti oleh Tee Ah Sing HMT dalam kes *Jub'il bin Mohamed Taib Taral & Ors v Sunway Lagoon Sdn Bhd* [2001] 6 MLJ 669).

[14] Prinsip undang-undang diperteguhkan lagi dengan kes House of Lords iaitu *Alcork & Ors v Chief Constable of South Yorkshire Police* [1992] 1 AC 310 yang memutuskan seperti berikut (dalam bahasa asal):

> Even where the nervous shock and the subsequent psychiatric illness caused by it could both have been reasonably foreseen, it has been generally accepted the damages for merely being informed of, or reading, or hearing about the accident are not recoverable … Certainly Brennan J in his judgment in *Jaensch v Coffey* 155 CLR 549, p 57 recognised:
>
> A psychiatric illness induced by mere knowledge of a distressing fact is not compensable; perception by the plaintiff of the distressing phenomenon is essential.
>
> ... Mere mental suffering, although reasonably foreseeable, if unaccompanied by physical injury, is not a basis for a claim for damages.

[15] Apa yang saya akan pertimbangkan ialah berdasarkan pliding sahaja (sila lihat kes *New Straits Times (M) Bhd v Kumpulan Kertas Niaga Sdn Bhd* [1985] 1 MLJ 226). Saya peka dengan autoriti-autoriti mantap yang terpakai bahawa mahkamah tidak sewenang-wenangnya membatalkan tindakan di bawah prosiding awal (A 18 k 19 KMT) melainkan ia tidak mendedahkan langsung kausa tindakan (sila lihat kes *Sim Kie Chon v Suprintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 MLJ 385; *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36). Mahkamah tidak mengambil kira merit iaitu kemungkinan kalah atau menang sesuatu pihak dalam prosiding A18 k19 KMT (sila lihat kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Bank Corporation Bhd*.

[16] Pada pertimbangan saya perenggan 7 penyataan tuntutan adalah asas tuntutan plaintif. Untuk mendapat gambaran jelas saya paparkan perenggan 7 tersebut berbunyi:

> Plaintif setelah diberitahu mengenai kandungan surat tersebut juga telah terkecut (shocked). berasa takut (fear) dan mengalami tekanan mental (mental anguish) kerana walaupun Plaintif masih hidup, namun demikian surat tersebut menyatakan bahawa Plaintif telah meninggal dunia.

[17] Kesimpulannya jelas dari pernyataan tuntutan plaintif ia tidak mendedahkan langsung kausa tindakan. Perasaan terkejut, perasaan takut dan perasaan tertekan yang dialami plaintif jelas bukan suatu yang membawa kausa tindakan terhadap defendan. Lagi pun perasaan marah, terkejut yang bukan *nervous shock* yang membawa kepada *psychiatric illness* tidak menjadikan defendan bertanggungan terhadap plaintif, lebih-lebih lagi plaintif sendiri yang mengalami perasaan tersebut. Jelas plaintif tidak memplidkan *nervous shock* dan *psychiatric illness*. Apa yang diplid hanyalah *shock*, *fear* dan *mental anguish*. Plaintif hanya bergantung kepada autoriti-autoriti defendan. Pada penelitian saya, autoriti-autoriti tersebut tidak memihak kepada dakwaan plaintif.

A **[18]** Atas alasan tersebut di atas, saya berpuas hati pernyataan tuntutan plaintif gagal menunjukkan suatu kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan.

Rayuan plaintif ditolak.

B Reported by Sally Kee

C

D

E

F

G

H

I